

Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah

Rosde Ammituh¹²
Borhan Abdullah¹

¹*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah*
²BB17110645@student.ums.edu.my

1.0 PENGENALAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar untuk seluruh dunia termasuk Malaysia. Kehadiran Coronavirus disease 2019 (COVID-19) merupakan ancaman besar yang telah menyebabkan kelumpuhan ekonomi dunia. COVID 19 yang melanda dunia tidak hanya memberi kesan kepada kesihatan penduduk dunia sebaliknya keadaan ekonomi suatu negara. Langkah pencegahan oleh sebahagian besar kerajaan di dunia telah mengakibatkan krisis ekonomi global. Malaysia merupakan antara negara yang terjejas akibat tindakan pencegahan yang dilaksanakan. Misalnya, Malaysia telah melaksanakan Perintah kawalan Pergerakan (PKP). PKP dilancarkan secara menyeluruh merangkumi larangan pergerakan dan larangan berhimpun di seluruh negara. Larangan berhimpun termasuk yang melibatkan aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Sepanjang tempoh tersebut Malaysia berhadapan beberapa bentuk kawalan pergerakan antaranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti jenis sektor ekonomi yang terjejas semasa Pandemik berlaku dan ingin mengetahui kesan pandemik Covid-19 terhadap pendapatan isi rumah di Semporna. Semporna merupakan antara daerah yang terletak di Sabah yang turut berhadapan masalah berkenaan yang mana pelaksanaan PKP. Beberapa sektor penting yang sebelum ini menjadi sumber pertumbuhan ekonomi di Semporna telah terjejas antaranya sektor pelancongan, perhotelan, peruncitan dan IKS. Situasi ini secara tidak langsung telah mengakibatkan penduduk di Semporna kehilangan sumber pendapatan. Polisi sebahagian syarikat untuk memberhentikan dan yang lainnya mengurangkan kadar gaji telah mengubah tingkat pendapatan isi rumah penduduk di Semporna. Oleh itu Kajian ini penting kerana kita dapat mengetahui bilangan isi rumah di Semporna yang terkesan sejak pandemik COVID-19 dan pastinya ia telah memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat terutama kepada golongan bekerja.

2.0 KAJIAN LEPAS

Impak Pandemik-COVID-19 Terhadap Sektor Ekonomi

Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan kesukaran malah sehingga kini beberapa sektor telah terkesan. Sektor penerbangan merupakan antara yang paling terkesan memandangkan sebahagian besar negara menutup pintu kemasukan dari luar. Antara sektor lain yang turut terjejas akibat Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) ialah sektor pertanian, makanan, peruncitan, pengangkutan, pelancongan dan pembinaan (Saari, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Dalam sektor pertanian, beberapa usahawan tani berdepan kesukaran untuk memasarkan hasil tani akibat pelaksanaan PKP. Usahawan-usahawan tani yang terjejas membuat keputusan beralih kepada medium jualan atas talian (online) seperti Facebook dan Whatapps untuk memasarkan hasil tani dan mengambil langkah untuk membuat penghantaran

persendirian. Tujuannya adalah untuk penjimatan kos operasi melalui pengecilan skala perniagaan (Halim, 2020). Kekangan masa dan kewangan menyebabkan sebahagian besar usahawan tani terpaksa menjimatkan kos dan tidak mengupah pekerja. Aktiviti perniagaan juga turut terjejas. Perniagaan tidak dapat beroperasi seperti sediakala kerana waktu operasi yang terhad semasa tempoh pelaksanaan PKP (Azizul Julihin, 2020).

Selain itu, sektor pelancongan juga menerima impak yang sangat jelas. Penutupan pintu masuk keluar negara kepada orang luar menyebabkan ketiadaan pelancong luar berkunjung ke dalam negara. Keadaan ini jelas menyumbang kepada penurunan pendapatan negara. Sektor pelancongan secara langsung mempengaruhi sektor yang berkaitan dengannya seperti industri perhotelan juga mengalami kegawatan sepanjang Pandemik ini berlaku (Kasim Mansur, 2020). Menurut Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin anggaran kerugian keseluruhan dalam sektor ini bermula dari Januari hingga Februari 2020 adalah sebanyak RM3.37 billion (Berita Harian Online, 2020). Keadaan ini tentunya telah menyebabkan kesukaran firma untuk membayar upah pekerja seterusnya menyebabkan pemecatan pekerja atau diberi cuti tanpa gaji. Selain itu juga, sektor Penerbangan adalah sektor pengangkutan yang sangat teruk terjejas akibat COVID-19. Operasi telah dihentikan dan sebahagian penerbangan juga dihadkan. Menurut Johnson Tee (2020), Penerbangan Malaysia iaitu Air Asia adalah diantara mangsa Covid-19 yang menyebabkan mereka terpaksa memberhentikan sementara guna tenaga atau pekerja-pekerja di syarikat bekejaan. Industri ini terkait secara langsung dengan sektor pelancongan. Oleh itu, Kesan kepada sektor ekonomi tentunya memberi kesan kepada pendapatan isi rumah seluruh masyarakat Malaysia.

Impak Pandemik-COVID-19 Terhadap Pendapatan Isi Rumah

Kesan yang sangat jelas ialah perubahan tingkat pendapatan isi rumah. Isi rumah dalam kumpulan B40 merupakan antara golongan yang paling banyak terkesan sepanjang pandemik COVID-19. Kesan ketara ialah isi rumah berdepan dengan masalah dipecat dan dibuang kerja. Terdapat banyak industri yang telah terjejas sehingga memaksa sebahagian majikan sama ada mengurangkan pekerja atau memecat sebahagian daripada kakitangannya. Kaedah ini bertujuan untuk mengurangkan kos perbelanjaan bagi menampung kos operasi. Pelaksanaan strategi sebahagian majikan ini secara tidak langsung mengakibatkan terdapat isi rumah yang kehilangan punca pendapatan. Misalnya, kita dapat lihat dalam Kajian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang mendapati 53 peratus responden kajian menyatakan sangat terkesan dari segi kewangan sepanjang tempoh PKP dan 6 peratus sahaja yang menyatakan kurang terkesan.


Manakala Perbelanjaan isi rumah secara keseluruhan telah berkurang kepada 55 peratus dan perbelanjaan penggunaan berkurang sebanyak 48 peratus. Sabah merupakan antara negeri yang sangat terkesan dalam tempoh PKP menurut kajian DOSM. Sebanyak 67 peratus menyatakan responden dari negeri ini menyatakan sangat terkesan akibat pelaksanaan PKP. Kekurangan ataupun penurunan kepada pendapatan isi rumah ini berpunca daripada peningkatan pengangguran pemberhentian pekerja oleh syarikat. Hampir 100,000 rakyat di Malaysia dijangkakan akan kehilangan pekerjaan jika Pandemik COVID-19 ini berlaku dalam jangka masa yang panjang (Berita Harian online, 2020). Misalnya, International Labour Organization (ILO) telah mengumumkan bahawa pengangguran global pada tahun 2020 dijangka meningkat antara 193.3 juta sehingga 212.7 juta berbanding 188 juta jumlah penganggur dicatatkan pada tahun 2019 dan jika hal ini berlaku dalam tempoh panjang, ia menyebabkan kesan yang mendalam kepada ekonomi negara.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian dijalankan mengikut kaedah penyelidikan kuantitatif. Definisi penyelidikan merupakan sesuatu proses yang melibatkan aktiviti merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data

kemudian menghurai seterusnya melaporkan dapatan yang diperolehi. Kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang menggunakan data statistik yang melibatkan beberapa orang responden. Dari segi instrument kajian pula, kajian ini telah menggunakan kaedah Soal selidik dan kaedah pemerhatian. Sebanyak 41 sampel digunakan untuk mengenal pasti responden. Responden adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang, pekerjaan, wanita dan lelaki juga yang menetap di daerah Semporna. Kajian yang dilaksanakan juga tidak memerlukan jumlah responden yang banyak. Kaedah pengukuran persampelan adalah dengan menyerahkan borang soal selidik iaitu melalui secara talian dengan menggunakan (google forms). Borang soal selidik yang diberikan secara rawak kepada responden boleh diselesaikan dalam lima hingga 10 minit.

Dalam pada itu, bagi kaedah pengumpulan data, kajian ini menggunakan data primer iaitu merupakan data yang dikumpulkan sendiri oleh seorang pengkaji itu dalam bentuk set soal selidik dan juga proses temu bual bersama isi-isi rumah yang berada di daerah Semporna. Akan tetapi pada kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen borang soal selidik secara keseluruhannya untuk mendapatkan semua maklumat supaya dapat menjawab objektif kajian pada kajian ini. Dalam kaedah analisis data dilakukan dengan menggunakan analisis dekskriptif (huraian) dan juga menggunakan Statistical Package For Social Sciences (SPSS) dan Excel untuk menganalisis dan melihat perbandingan jawapan yang telah diberikan yang seterusnya akan memberi keputusan kepada objektif kajian.



Rajah 1


Selain itu, melalui rajah 1 di atas, terdapat pembolehubah bersandar dan juga pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Pembolehubah tidak bersandar merupakan Pandemik Covid-19 atau diwakili X manakala Pembolehubah bersandar (Y) pula terdiri daripada sektor-sektor ekonomi, Pendapatan isi rumah, dan juga pekerjaan atau pengangguran. Sudah pastinya COVID-19 ini akan mempengaruhi pendapatan isi rumah iaitu menyebabkan penurunan pendapatan individu di Semporna.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada kesan pandemik COVID-19 terhadap pendapatan isi rumah di daerah Semporna Sabah. Kajian dijalankan keatas 41 isi rumah di Semporna iaitu 21 orang perempuan dan 20 orang lelaki. Hasil kajian mendapati bahawa, sebahagian besar sektor ekonomi di Semporna sangat terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Misalnya kita dapat lihat pada rajah 2, sektor ekonomi yang terjejas di daerah Semporna terdiri daripada sektor pelancongan yang terdiri daripada pengawal keselamatan, staf pengurusan dan pembersihan serta penyelia. Seterusnya, sektor peruncitan (jurujuwal, peniaga dan peruncit), perhotelan, perkhidmatan dan lain lagi merupakan antara contoh industri

yang jelas terjejas di daerah ini. Sebahagian besar pekerja yang terjejas adalah dalam kalangan pekerja swasta manakala pekerja awam iaitu dalam sektor perkhidmatan adalah kurang terjejas.

Jenis Sektor



Rajah 2: Sektor Ekonomi yang terjejas

Selain itu, dapat dilihat bahawa sebilangan kecil firma di daerah Semporna ini bertindak memberhentikan atau mengurangkan masa bekerja. Pemberian setengah bulan gaji dan pemberhentian sementara kakitangan untuk tujuan meminimumkan kos operasi menggambarkan bahawa industri tersebut mengalami masalah dari sudut kewangan. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pendapatan isi rumah di Semporna memandangkan sebahagian besar penduduknya berada dalam kelompok *Bottom 40* yang berpendapatan RM2,000.00 ke bawah. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan adakah mereka mempunyai wang yang cukup untuk membeli keperluan iaitu majoriti isi rumah terbabit mengalami masalah kewangan dengan kadar peratus 35%. Berdasarkan kajian tersebut isi rumah yang berkerja dalam sektor swasta dan berkerja sendiri merupakan antara yang paling terjejas. Misalnya berkerja sebagai petani, nelayan, pekerja dalam sektor pelancongan, perhotelan, perniagaan dan lain-lain lagi kerana terdapat dari mereka yang diberhentikan, pengurangan masa bekerja dan cuti tanpa gaji. Ia dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 31.71% yang bersetuju mereka diberi pengurangan setengah bulan gaji yang memaksa sebahagian mereka terpaksa mencari inisiatif untuk mencari sumber pendapatan lain bagi menampung perbelanjaan harian.

Hal ini berbeza dengan isi rumah yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan mempunyai pendapatan tetap misalnya mereka yang berkerja sebagai guru, pembantu tadbir, pekerja Am dan lain lain lagi. Isi rumah yang mempunyai pendapatan tetap kurang terjejas dalam tempoh PKP. Dapat dilihat juga bahawa, berdasarkan hasil kajian ketika pandemik ini berlaku kesukaran bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan, menyukarkan mereka mencari rezeki dan juga mereka terbeban semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah menyebabkan pendapatan mereka menurun dan banyak daripada mereka menyatakan berada di kehidupan kais pagi makan pagi.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati keadaan ini sedikit berubah apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Pelaksanaan PKPB memberi ruang dan sinar kepada semua sektor dan isi rumah untuk menjalankan semula aktiviti berdasarkan Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan kerajaan. Misalnya mereka boleh merentas daerah semula yang menyebabkan

sebilangan dari isi rumah kembali bekerja dan memperoleh semula pendapatan. Begitu juga dengan kehidupan mereka semasa PKPB dan PKPP dilaksanakan iaitu menyatakan bahawa kehidupan semakin beransur baik dan pulih. Di samping itu, inisiatif yang diberikan oleh kerajaan juga telah mengurangkan sedikit bebanan isi rumah sepanjang PKP. Bantuan Prihatin, bakul makanan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan pemberian moratorium sedikit sebanyak telah mengurangkan beban isi rumah dan sektor ekonomi yang terjejas. Hal ini dibuktikan bahawa majoriti responden iaitu 39 daripada 41 isi rumah sangat bersetuju dengan bantuan oleh kerajaan ini begitu juga dengan penangguhan bayaran balik pinjaman.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian menunjukkan penularan COVID-19 mendorong kerajaan melaksanakan PKP seterusnya telah menyebabkan beberapa sektor ekonomi dan peluang pekerjaan terjejas. Keadaan ini sekaligus menyebabkan isi rumah khususnya di daerah semporna ini turut terkesan. Pelaksanaan PKP merangkumi kawalan pergerakan termasuk pergerakan rentas daerah Keadaan ini telah menyebabkan kerugian kepada sebahagian firma yang berkecimpung dalam beberapa sektor seperti pelancongan, perhotelan, perniagaan dan sebagainya. Keadaan ini juga mengakibatkan firma menutup operasi sementara dengan nasihat kerajaan untuk mengawal penularan COVID-19. Situasi ini memberi kesan secara langsung kepada isi rumah yang bekerja dalam sektor-sektor tersebut. Terdapat isi rumah yang berdepan dengan keadaan cuti tanpa gaji, pengurangan gaji, dan juga pemberhentian kerja ini mengakibatkan mereka kehilangan sumber pendapatan. Malah turut menjejaskan isi rumah yang bekerja sendiri (berniaga, nelayan dan petani). Akan tetapi, semasa PKP dilaksanakan, sebahagian besar isi rumah yang bekerja dalam sektor awam kurang terjejas dari segi pendapatan dan kerja. Namun demikian, Inisiatif bantuan kewangan kerajaan (PRIHATIN) dan PENJANA yang diberikan kerajaan telah mengurangkan bebanan kewangan. Pelaksanaan PKPB dan juga PKPP telah memberi impak positif kepada semua isi rumah kerana kelonggaran pergerakan telah memberi kembali sinar baharu mereka untuk bekerja seperti biasa tetapi mengikut SOP yang disarankan oleh kerajaan.